

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

BILANGAN TAWARAN : JKP/SH/2021 – 2022/02

TAJUK TAWARAN : “TO DESIGN, PROVIDE COPYWRITING, EDITORIAL, PRINTING AND DELIVERY OF BRUNEI DECEMBER FESTIVAL 2021 BROCHURES”

TARIKH TUTUP TAWARAN : HARI KHAMIS, 09 SEPTEMBER 2021, JAM 2:00 PETANG

SYARAT-SYARAT TAWARAN:

1. TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada:

**Pengerusi
Jawatankuasa Sebutharga
Jabatan Kemajuan Pelancongan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**

dan dimasukkan kedalam **Peti Sebutharga yang bertempat di Tingkat 3, Jabatan Kemajuan Pelancongan, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**, tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di atas.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan borang-borang tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan yuran sebanyak BND5.00.
3. Dokumen Tawaran akan diberikan selepas yuran tawaran telah dibuat. Yuran tawaran boleh dibayar pada jam seperti berikut:

HARI	JAM
Isnin – Khamis dan Sabtu	8:00 pagi – 10:00 pagi

***Kaunter ditutup pada Hari-Hari Kelepasan Awam**

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan **Borang Tawaran Asal** yang telah disediakan.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam **tidak terikat** untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.